

SEMAK SEMASA JAWAPAN
EMBARGO
SEHINGGA DIJAWAB OLEH YB. MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
(TENGGARA)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan program Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang dilaksanakan oleh Kementerian dari aspek :-

- (a) berapakah jumlah yang dapat dibantu mendapatkan pekerjaan semula selepas dibuang kerja sejak Mei 2018 hingga kini ; dan
- (b) berapakah peratusan pekerja yang tidak mengetahui tentang kelebihan dasar program ini kerana kurang maklumat ataupun kurang memahami cara pelaksanaan program ini.

PN-1412- L03107

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak SIP dilaksanakan sehingga 22 Februari 2019, menerusi pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), seramai 7,915 orang telah mendapat pekerjaan semula dan untuk makluman Dewan, faedah *full-fledge* SIPPERSO baru sahaja berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Memandangkan SIP baru diperkenalkan, kita memerlukan satu tempoh masa bagi memberi satu pendedahan yang menyeluruh kepada pekerja.

2. Untuk makluman, program promosi serta aktiviti bagi memperluaskan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada umum tentang program SIP masih dijalankan dan dipertingkatkan sehingga kini. Antara program promosi yang telah dijalankan sejak SIP diperkenalkan pada tahun 2018 ialah *roadshow* SIP (80 kali) di seluruh negara, sesi *townhall* bersama majikan, Program *Employability, Job Carnival* dan taklimat perkhidmatan pekerjaan.